

19/10/2003

Pak Lah jamin teruskan perancangan MTEN: Mustapa

KUCHING: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan meneruskan semua perancangan yang dibuat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri, bulan depan.

Pengarah Eksekutif MTEN, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Abdullah dalam mesyuarat MTEN terbaru yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi komitmen bahawa tidak ada perubahan terhadap perjalanan MTEN apabila beliau mengambil alih jawatan bulan depan.

"Timbalan Perdana Menteri memberi jaminan semua perancangan yang dibuat MTEN akan diteruskan selepas beliau menggantikan Dr Mahathir, akhir bulan ini.

"MTEN akan terus memastikan ekonomi negara berdaya saing dan mampu menghadapi cabaran global selepas berlaku perubahan pucuk pimpinan nanti," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Forum Ekonomi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Sarawak Bersama MTEN di Santubong Resort, di sini, semalam.

Forum dua hari yang berakhir semalam dihadiri lebih 300 penuntut universiti, politeknik, kolej dan maktab perguruan yang mempunyai kampus di Sarawak.

Selain ceramah, perbincangan dan forum membabitkan ekonomi Malaysia turut diadakan bagi memberi pengetahuan terbaru kepada pelajar mengenai hala tuju ekonomi negara.

Mustapa berkata, MTEN membabitkan penuntut IPT sebagai sasaran untuk menyalurkan pengetahuan mengenai ekonomi negara kerana ia penting bagi membolehkan mereka mendapat maklumat sebenar mengenai isu ekonomi semasa negara.